

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 34 RABU 26 OGOS 1970 1390 رابو 23 جمادي الاخير PERCHUMA

Gunakan tulisan Jawi di-papan2 kenyataan

KUALA BELAIT. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri telah menyeru ahli2 peniaga di-negeri ini supaya menggunakan tulisan Jawi bagi menamakan sharikat2 yang di-tulis di-papan kenyataan mereka.

Beliau juga menggesa peniaga2 itu supaya mengutamakan bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi negeri ini dan mengamalkan-nya dalam perchakapan, persuratan dan lain2 urusan sa-hari2.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah berucap demikian dalam satu perjumpaan yang di-hadiri oleh lebih 300 orang Pengurus2 Sharikat Perniagaan dan taukey2 kedai di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pagi Khamis lalu.

Beliau menerangkan bahawa lebih 10 tahun bahasa Melayu telah di-jadikan bahasa rasmi di-negeri ini dan dalam masa yang begitu lama ada juga di-antara ahli2 peniaga itu maseh tidak mengindahkan pemakaian bahasa Melayu yang di-sifatkan mereka sa-bagai satu perkara yang mudah saja pada dzahir-nya.

Sa-bagai sa-orang raayat yang mengaku ta'at setia kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, mereka hendaklah membuktikan dengan seberapa daya usaha keta'atan itu dengan mengikut suara Kerajaan.

Kata-nya, salah satu dari bokti ta'at setia itu ia-lah dengan mengutamakan dan mengamalkan bahasa rasmi negeri ini.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu juga mengharapkan dan menggesa ahli2 perniagaan itu supaya sama2 memainkan peranan penting dalam pemakaian dan penggunaan bahasa rasmi kerana mereka ada-lah raayat yang menumpukan ta'at setia-nya kepada negeri ini..

Beliau juga menerangkan mengenai terjemahan bahasa China 'BENG SAN' atau 'BENG SAN COMPANY' sambil memberi chuntoh supaya bahasa itu di-terjemahkan ka-dalam bahasa Melayu yang di-ertikan dengan nama 'SHARIKAT GUNONG BERSINAR'.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama (Dr.) Ag. Hj. Md. Jamil Al-Sufri.

Akhir-nya Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu menyeru peniaga2, jika terdapat sa-barang keraguan mengenai penggunaan Bahasa Melayu, pejabat-nya sentiasa memberi kerjasama bagi mengatasi masalah itu.

PENIAGA2 ASING DI-GESA

MENGUTAMAKAN BAHASA MELAYU

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait Awang Haji Alikhan bin Abd. Khan telah menyeru ahli2 peniaga di-Daerah itu supaya mengutamakan bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi negeri ini.

Beliau berkata ahli2 peniaga yang kebanyakan-nya bangsa2 asing harus-lah menggunakan bahasa Melayu kerana mereka ada-lah gulungan yang mengambil peranan penting dalam masharakat di-Brunei hari ini.

Pegawai Daerah Belait itu telah berucap demikian dalam satu perjumpaan yang di-hadiri oleh lebih tiga ratus orang Pengurus2 Sharikat Perniagaan dan taukey2 kedai di-

Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada minggu lalu.

Beliau sa-terus-nya berkata bahawa sa-panjang yang di-ketahui-nya Kerajaan telah menjalankan berbagai2 ikhtiar memajukan bahasa Melayu sejak 10 tahun yang lalu.



Awang Haji Ali Khan

Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka yang mengendalikan penggunaan bahasa itu telah berusaha di-berbagai bidang terutama melancarkan gerakan MINGGU BAHASA tahun 1961 dan BULAN BAHASA tahun 1962 yang meliputi ka-seluruh negeri dengan tujuan memperkenalkan penggunaan bahasa Melayu di-semua bidang sa-chara praktik.

Kesan2 dari gerakan itu telah menimbulkan satu keyakinan dan harapan baik kepada Kerajaan di-mana seluruh raayat telah berikrar memberi sukongan yang penoh mendaulkan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara seperti yang termaktub dalam perlembagaan.

Pegawai Daerah itu menjelaskan lagi bahawa menyedari hakikat itu Kerajaan terus berusaha memberi kemudahan yang sa-luas2-nya seperti mengadakan kelas2 bahasa Melayu baik menerusi pelajaran2 di-sekolah2 rendah, nenengah mahupun kelas2 lanjutan

(Lihat Muka 8)

Penyakit anjing gila? Berita di-nafi

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Haiwan, Awang C. V. Subramaniam telah menafikan satu berita mengenai sa-ekor anjing gila telah menggigit orang.

Beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak berasa bimbang kerana tidak ada berlaku kejadian penyakit anjing gila di-negeri ini.

Pegawai Haiwan berkata, peratoran2 membawa masuk binatang2 ka-Brunei ada-lah ketat dan kemungkinan berlaku-nya penyakit itu amat-lah tipis.

Awang Subramaniam menyatakan demikian ketika mengulas mengenai berita yang tersiar dalam akhbar minggu lalu yang mengatakan terdapat sa-ekor anjing yang berbueh di-mulut-nya dan menggigit orang.

Beliau berkata, sa-telah menjalankan penyiasatan, tidak ada sa-orang pun yang telah di-gigit.

Kata-nya, anjing2 yang lapar dan kurus kadang2 kelihatan bersifat menyerang.

(LIHAT MUKA 8)

Minggu kerja Pengakap

BANDAR BRUNEI. — Minggu kerja pengakap bagi Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan sa-lama sa-minggu mulai 31 Ogos ini hingga 6 September hadapan.

Di-sepanjang minggu itu, pengakap2 di-daerah ini akan berkunjong ka-rumah2, sharikat2 perniagaan, kedai dan lain2 tempat untuk menawarkan kerja sa-chara sukarela, tetapi mengharapkan bayaran bagi perkhidmatan2 mereka.

Pengakap2 itu akan membawa bersama2 mereka kad2 kerja dan orang ramai adalah di-minta supaya menchatetkan jenis kerja yang ditawarkan dan bayaran bagi kerja2 itu.



Atas: Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah ketika di-perkenalkan kepada ahli2 sokan itu. Kiri: Dayang Sanah Tamit yang telah memperolehi tiga pingat Emas dan dua pingat perak.



SAMBUTAN MERIAH UNTOK AHLI2 SOKAN KITA

BERAKAS.—Ahli2 sokan Brunei yang telah memperolehi kejayaan yang chemerlang dalam sokan kejohanan Malaysia dan sokan kejohanan terbuka Singapura telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu.

Pembinaan dua blok asrama siap

BANDAR BRUNEI. — Pembinaan dua buah blok asrama bagi SMJA Puser Ulak di-Bandar Brunei sekarang sudah siap.

Kerja2 kechil berkenaan dengan merata tanah dan menanam rumput di-kawasan bangunan2 itu dan pembinaan jalan masuk ka-bangunan2 itu telah juga siap.

Kerja membersehhkan kawasan bangunan itu hampir2 selesai.

Tawaran bagi membekalkan alat2 perabot bagi dua buah bangunan itu telah pun dipelawa.

Tiap2 sa-buah blok boleh menampung kira2 150 orang murid.

Asrama2 itu akan mengadakan tempat2 tinggal bagi murid2 dari sekolah2 menengah Melayu, Maktab SOAS dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri yang tidak mendapat tempat tinggal di-asrama2 mereka.

PERADUAN 'RATU SANGGUL'

BANDAR BRUNEI. — Persatuan PERANGKAP akan mengadakan malam amal untuk mengutip derma bagi tabung persatuan tersebut di-Dewan Pusat Belia pada 4 September hadapan.

Achra pada malam itu akan dipenuhi dengan persembahan2 tari dan peraduan menyanyi.

Kemunchak dari achra pada malam itu ia-lah Peraduan Ratu Sanggul.

Peraduan ini ada-lah terbuka kepada wanita2 di-Daerah Brunei dan Muara.

Lagi 9 orang penuntut Brunei lulus dgn. mendapat ijazah

BANDAR BRUNEI. — Sembilan orang penuntut Brunei telah pulang ka-tanah ayer setelah tamat pengajian mereka di-universiti2 di-United Kingdom.

Dr. Hussain bin Mohd. Daud telah mendapat ijazah M.B. Ch. B. dan diploma dalam ilmu perubatan dan kesihatan kawasan panas.

Awangku Ismail bin Pengiran Damit telah lulus dalam kejuruteraan awam dengan mendapat B. Sc. second class honours Division Satu. Beliau juga akan mengambil peperiksaan postgraduate bagi mendapatkan ijazah M. Sc. dalam kejuruteraan awam dalam bulan Oktober tahun ini.

Awang Mohd. Yassin bin Ampuan Salleh telah mendapat ijazah B. Sc. dalam kehutanan.

Dayang Misli binte Awang telah mendapat ijazah B. Sc. dalam ilmu kira2 dan komputer sains. Dayang Masni binte Mohd. Ali mendapat ijazah B. Sc. dalam Microbiology.

Awang Danial bin Haji Hanafiah telah mendapat ijazah B. Sc. dalam pertanian. Awang Dennis Teo Yang Long telah mendapat ijazah B. Sc. dalam environmental science.

Awang Abdul Rahman bin Haji Karim telah mendapat ijazah B. Sc. dalam bahagian ekonomi dan Awangku Sani bin Pengiran Ahmad telah mendapat diploma dalam kejuruteraan awam dan benaan.

Sementara itu dua orang penuntut telah tamat sa-telah menjalani kursus jururawat dan dua orang tamat kursus perguruan selama tiga tahun.

Mereka ia-lah Dayang Aminah binte Idris, Dayang Halimah binte Abdul Latif, Dayang Helen Lo Ah Moi dan Awang Abu Hanafiah bin Mohd. Salleh.

Sekatan umur masuk sekolah di-turunkan

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran akan melonggarkan sekatan umur bagi penerimaan masuk ka-sekolah2 rendah kerajaan dari 5½ tahun kepada lima tahun mulai tahun hadapan.

Sa-buah kenyataan yang diterbitkan oleh jabatan itu menyatakan bahawa kanak2 yang lahir sa-belum 1 Januari, 1966 ada-lah di-terima masuk ka-sekolah2 rendah mulai persekolahan tahun 1971.

Kenyataan itu menyeru ibu bapa atau penjaga kanak2 supaya mendaftarkan nama2 anak mereka dari sekarang kepada guru2 besar seekolah yang berhampiran dengan rumah mereka.

Pendaftaran akan di-tutup pada 30 September, 1970. Permohonan2 yang terlewat dari tarikh tersebut tidak akan dilayani.

Ketibaan ahli2 sokan itu di-lapangan terbang telah di-sambut dengan meriah-nya oleh pegawai2 Persatuan Sokan Amator Negeri Brunei dan penuntut2 Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Dari lapangan terbang mereka telah di-arak mengelilingi bandar sa-belum menuju ka-Lapau di-mana Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah, selaku Yang Di-Pertua Persatuan Sokan Amator Negeri Brunei berangkat ka-situ untuk mengucapkan tahniah kepada ahli2 sokan itu.

Rombongan ahli2 sokan yang di-ketuai oleh Awang Haji Abdi Manaf itu juga telah di-perkenalkan kepada Yang Teramat Mulia itu.

Dalam sokan kejohanan Malaysia yang di-adakan di-Ipoh, Brunei telah berjaya memenangi dua pingat emas, dua perak dan gangsa, sementara di-Singapura mereka memenangi satu pingat emas dan dua perak.

Dayang Sanah binte Tamit, sa-orang penuntut di-Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, buat pertama kali-nya dalam sejarah sokan di-Brunei telah memenangi tiga pingat emas dan dua perak dalam sokan kejohanan itu.

Boniface Yeo dan Onn Timbang, masing2 mendapat satu pingat perak dan A. Sibidol mendapat satu pingat gangsa.

DI-ANTARA permainan yang menjadi kesukaan sa-tengah2 orang di-dunia ini semenjak zaman berzaman, ia-lah permainan judi. Permainan judi itu sangat-lah tua umor-nya, walaupun diadakan undang2 oleh banyak negeri yang bertamadun untuk melarang-nya.

Kita umat Islam yang berpegang tegoh pada ajaran2 Al-Quran tentu-lah maklum mengenai hukum bermain judi. Ugama kita melarang kita bermain judi. Larangan itu sa-iring dengan larangan meminum arak, menyembah berhala, dan melihat nasib sa-bagaimana firman Allah Subhanahu-wataala dalam surat Al-Maedah ayat 90 yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman bahawa sa-sungguh-nya arak, judi, berhala dan anak2 panah sa-bagai menilik nasib itu adalah kotor (najis) daripada perbuatan shaitan, maka jauhi-lah oleh kamu akan perbuatan2 itu, semoga kamu beroleh kejayaan”.

Judi itu bermacam2 charanya dan berbagai2 nama-nya. Di-waktu akhir2 ini, timbul risekan2 tentang suatu jenis judi apa yang di-namakan wahoi. Judi seperti ini khabar2-nya sangat2 di-gemari oleh sa-tengah2 orang.

Chalun Ketua Kampong Puni

TEMBURONG.—Awang Besar bin Ujan telah di-chalunkan untuk memenohi jawatan sa-bagai Ketua Kampong Puni dan Ujung Jalan di-Daerah Temburong.

Penchalunan itu telah di-adakan dalam satu perhimpunan yang telah di-adakan di-balai raya Puni pada minggu lalu dengan di-pengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

Sa-orang juruchapak Pejabat Daerah itu berkata, nama chalun itu akan di-kemukakan kepada kerajaan untuk di-siasat.

Pertandingan membacha Al-Quran Daerah Tutong

TUTONG. — Daerah Tutong akan mengadakan pertandingan membacha Al-Quran tahunan di-padang Bukit Bendera pekan Tutong pada 19 September, jam 7.30 malam.

Peraduan itu tetr buka kepada peserta2 lelaki yang berumur 18 tahun ka-atas dan peserta2 perempuan yang berumur 16 tahun ka-atas, tetapi tidak melebihi dari 45 tahun.

Peserta2 yang ingin menyertai pertandingan itu, bolehlah mengisikan borang2 yang

boleh di-dapati dari Setia Usaha Pertandingan Awang Abang bin Abdul Rani di-Pejabat Ugama Tutong. Borang2 yang telah di-isikan hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 29 Ogos.

Dua orang quari dan dua orang quaria'h akan di-pileh untuk mewakili Daerah Tutong ka-pertandingan membacha Al-Quran peringkat seluroh negeri yang akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan Oktober hadapan.

UMAT ISLAM DI-SERU BERIKHTIAR UNTUK MENGHAPUSKAN PERJUDIAN

KHUTBAH JUMA'AT

“Orang yang kaki judi sanggup melupak-
kan tanggung-jawab terhadap isteri,
anak2, keluarga dan rumah tangga,
bahkan melupakan kehormatan dan
keperi badian diri sendiri.”

Dalam pada itu, suatu chara baru telah timbul ia-itu bagi merayakan malam berjaga2 di-dalam istiadat2 perkahwinan. Chara itu ia-lah dengan mengadakan permainan judi.

Sa-telah kita mengetahui akan penegasan ayat suci Al-Quran mengenai dengan permainan judi, maka sapatutnya-lah kita orang2 Islam, khasnya orang2 yang berpelajaran dan ibu-bapa berusaha untuk membenters atau menghapuskan permainan judi itu.

Sa-bagaimana yang telah dinyatakan tadi bahawa judi ada-lah merupakan satu daripada permainan2 yang tertua yang mana di-sukai oleh manusia. Pemain2 judi selalu-nya berangan2 untuk mendapat rezeki yang datang bergolek dengan jalan yang paling senang, dan selalu-nya orang2 yang telah di-pengaruhi oleh judi atau di-katakan kaki judi akan sanggup melupakan urusan2 atau tanggung-jawab terhadap isteri, anak, keluarga dan rumah-tangga dan kadang2

akan melupakan kehormatan serta keperibadian diri sendiri.

Al-Quran telah mengingatkan kita mengenai dengan bahaya judi, sa-bagaimana firman Allah dalam surat Al-Maedah ayat 91 yang bermaksud:

“Bahawa sa-sungguh -nya shaitan ada-lah berkehendakkan untuk menimbulkan dikalangan kamu permusohan dan benchi membenci akibat daripada arak dan judi, di-samping shaitan itu mengikat kamu daripada hakikat Allah dan menyembah-nya. Oleh itu hendak-lah kamu hentikan”.

Semoga kita akan insaf dan akan dapat memberi tunjok ajar kepada anak buah kita mengenai dengan bahaya judi, semoga kita akan mencapai kehidupan yang mulia di-dunia dan berbahagia di-akhirat kelak.

Guru2 pelateh melawat pengkalan laut AMDB

MUARA. — Sa-ramai empat puluh orang guru pelateh termasuk beberapa orang perempuan dari Maktab Perguruan Brunei di-Bandar Brunei pada minggu lalu telah melawat Pangkalan Laut Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Muara dan khemah pasokan itu di-Berakas.

Pelawat2 itu mula2-nya melawat ka-Pangkalan Laut di-Muara di-mana mereka telah di-beri penerangan oleh Pegawai Pentadbir Pasokan Kapal Pertama Kapitan Mohammed Hussein bin Haji Mohammed.

Sa-telah menghabiskan masa sa-lama sa-jam di-Pangkalan Laut itu mereka kemudiannya di-bawa ka-Khemah Berakas.

Lawatan ka-khemah itu dengan mendengar penerangan yang di-sampaikan oleh adjutan Kapatan Hussein bin Ahmad mengenai tugas dan tanggung jawab askar.

Tempat2 yang di-lawati mereka termasuk bahagian udara, gymnasium dan sekolah.

Pelawat2 itu juga menyaksikan pertunjukan oleh pasukan meriam katak, peninjau dan pasukan samboyan.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 26 Ogos 1970 hingga ka-hari Selasa 1 September 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
26 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
27 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
28 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
29 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
30 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
31 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
1 Sept.	12-24	3-41	6-33	7-42	4-41	4-56	6-14	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



26hb. Ogos, 1970.

SEMAKIN CHERAH

SEKALI lagi Brunei telah menampakan kemampuan-nya untuk menyertai pertandingan sokan antara bangsa berikutan dengan kejayaan2 chemerlang yang di-perolehi oleh ahli2 sokan Brunei ka-pertandingan sokan kejohanan Malaysia di-Ipoh dan kejohanan terbuka Singapura baru2 ini.

Dayang Sanah binte Tamit, satu2-nya jagoh sokan wanita kita dan wanita tunggal yang mewakili Brunei dalam pertandingan2 di-Malaysia dan Singapura itu telah berhat2 benar menunjukkan kehandalan-nya sa-hingga berjaya menewaskan ahli2 sokan wanita yang handal2 dari negara2 jiran kita dan dengan kemenanga2-nya itu, Dayang Sanah telah memperolehi tiga pingat emas dan dua pingat perak. Kemenangan2 yang di-perolehi-nya itu ia-lah dalam perlawanan melimpir piring, melontar lembing dan membua peluru. Berikutan dengan kemenangan2 oleh jagoh sokan wanita kita itu dan kemenanga2 yang di-perolehi oleh jagoh2 sokan lelaki kita seperti Boniface Yeo, Onn Timbang dan A. Sibidol telah menempatkan nama negara kita Brunei ka-tangan yang ke-empat dalam kejohanan Malaysia dan mengatasi beberapa buah perwakilan dari negara2 yang terkenal handal. Bagitu juga dengan kemenangan2 yang di-chipta oleh ahli2 sokan kita itu di-Singapura ada-lah merupakan satu perangsang yang lebeh meyakinkan dan dapat menunjukkan yang Brunei sudah dapat dikatakan mula mencapai kemajuan di-bidang sokan antara bangsa.

Walaupun kemenangan2 ahli2 sokan kita itu hanya dalam bahagian buangan, limpahan dan lompatan (field-event) dan tewas dalam bahagian lari (track-event), tetapi untuk ukuran yang adil, maka kejayaan2 itu tidak dapat di-ketepikan atau hanya di-sifatkan sa-bagai satu kejayaan yang kecil sahaja. Menilek kepada pingat2 yang di-menangi oleh jagoh2 sokan kita itu, maka tidak-lah dapat di-nafikan yang ahli2 sokan kita telah tidak dapat di-tandingi oleh jagoh2 sokan dari negara2 yang mengambil bahagian. Kejayaan mereka ada-lah di-akui, malah di-hormati oleh negara2 yang menganjorkan perlawanan itu.

Bahawa pertolakan kecherahan Brunei dalam arena sokan ada-lah semakin jelas dan ia-nya akan semakin jelas lagi jika ahli2 sokan kita memperoleh2 peluang2 yang lebeh meyakinkan untuk mendapatkan lathelan2 yang lebeh sempurna dan pemilehan2 yang lebeh hati2.

Ada-lah kena pada tempat-nya untuk kita sama2 memberikan penghormatan kepada pegawai2 yang berkenaan dalam memajukan lapangan sokan di-negeri ini yang telah menunjukkan ketabahan mereka untuk membimbing ahli2 sokan kita hingga mencapai ka-taraf antara bangsa. Dengan pendirian yang demikian, kita perchaya Brunei akan mencapai kejayaan2 yang lebeh chemerlang di-masa depan.

BUTA HURUF DAN MASAALAH-NYA

Oleh: Awang Ahmad bin Haji Jumat

PERKATAAN buta huruf dan lain2 perkataan yang sa-jiran dengan-nya ada-lah satu **feature negative** kepada masyarakat. Neraka juga satu **feature negative** kepada masyarakat. Oleh kerana itu dia selalu di-binchangkan oleh masyarakat bertujuan untuk mendapatkan penyelesaian unsur2 **negative** yang di-timbulkan oleh perkataan ini kepada masyarakat. Tajok di-atas sudah lumrah di-binchangkan orang sama ada oleh para "layman" atau para intelektual di-mana2 saja. Definisi atau ta'arif buta huruf sa-chara detail ada-lah berlainan pada tiap2 negeri dan masyarakat-nya mengikut sosial dan **educational pattern** negeri itu dan juga kehendak2 value dan nilai masyarakat itu sendiri. Definisi yang standard atau representative mengenai dengan buta huruf itu ada-lah sa-bagai tidak pandai menulis dan membaca. Professor William S. Grey berkata "**a person is functionally literate when he has acquired the knowledge skills in reading and writing which enable him to engage effectively in all those activities in which literacy is normally assumed in his culture or group**". Dalam definisi yang di-berikan oleh Prof. Grey ini dia menekankan perkataan2 **functional literacy** kerana walau pun sa-saorang itu pandai menulis dan membaca tetapi keadaan tingal bagitu sahaja, tidak dipraktikkan-nya, berusaha; dia bagi saya maseh dalam gulungan2 masyarakat buta huruf. Apa yang kita kehendaki adalah "**functional literacy**" kerana dengan hanya bisa membaca dan menulis tidak menchukopi untuk sa-saorang itu intellectually sedar, hidup dan alive; untuk mereka "awake" alam sakeliling lebeh2 lagi untuk berlari bersama chepat dengan apa yang terjadi di-dunia dengan ketinggian sain; teknologi dan ekonomi yang sa-tiap hari berubah dan di-ubah ini. Kalau hanya tahu menulis dan membaca dari segi teori-nya dan tidak menggunakan tenaga mental dan fikiran kita akan sampai sa-orang manusia itu seperti lembu kasi; tidak aktif. Manusia yang buta huruf boleh di-sifatkan seperti lembu kasi bila terlalu kenyang; tambahan pula kalau perut saja yang berisi sedangkan jiwa kosong dan fikiran mundur dan stagnant tidak akan melahirkan satu masyarakat yang sehat dan gigih.

Oleh kerana buta huruf itu **negative** masyarakat dia menimbulkan beribu2 macham

masaalah; masaalah2 yang di-timbulkan oleh masyarakat buta huruf berlainan di-tiap2 negara. Misal-nya di-negeri2 yang telah membangun, (developed countries) seperti Amerika; Jepun dan Negara Eropah masaalah2 buta huruf sudah tidak menjadi issue lagi tetapi di-Negeri Amerika Selatan dan Tenggara Asia masaalah2 yang di-timbulkan oleh buta huruf itu maseh hangat, maseh di-anggap national issue, sa-bagai tanggung-jawab Negara. Masaalah2 ini berlainan berdasarkan suasana keliling; kebudayaan; kehendak2 dan standard masyarakat itu sendiri. Oleh kerana buta huruf menelorkan berbagai masaalah, saya akan berdosa kalau saya mengatakan semua masaalah2 masyarakat akan hapus apabila kita tidak mempunyai raayat buta huruf. Saya perchaya buta huruf menelor masaalah2 tetapi saya lebeh2 perchaya dan yakin sa-yakin2-nya orang2 seperti kita yang di-kumpulkan dalam perkataan pandai membaca dan menulis itu lebeh banyak menimbulkan masaalah2 sa-hingga hidup kita ini sa-mata2 bertujuan untuk menyelesaikan masaalah yang kita buat sendiri. Bagi saya hal ini ada-lah unsur2 positive bagi masyarakat literate kerana dengan adanya motivation; kemahuan; tenaga untuk menyelesaikan satu masaalah itu membawa kita **intellectually aktif** dan bergerak.

PERINGKAT

Saya akan meninjau masaalah2 yang di-telorkan oleh buta huruf itu kepada dua peringkat sa-chara umum:

(a) Peringkat peribadi atau peringkat dalam atau internal (b) Peringkat luaran; external atau hubungan si-buta huruf dengan masyarakat sakeliling-nya; mahu pun di-bidang non-material atau pun material.

(a) Peringkat Peribadi—Kalau di-lihat sa-imbis lalu masaalah2 yang di-telorkan oleh si-buta huruf di-peringkat peribadi atau personal ini tidak ada tetapi masaalah akan timbul terhadap diri-nya apabila si-buta huruf menerima kesan2 external, pengaruh2 dalam pergaulan-nya sa-hari2. Tiap2 sa-orang manusia sama ada buta huruf atau tidak pusat penilaian; pusat fikiran adalah mental, jadi-nya mental ini kalau dia tidak berkeadaan statis; mati dia perlu mendapat makanan dan hidangan. Hidangan2 ini ada-lah berupa pe-

nulisan dalam surat2 khabar, majallah2 buku2 dan mass2 media yang lain berupa ilmu yang mendalam dan membena. Dalam keadaan mental yang tidak dapat memakan makan-an2 ini-lah menyebabkan seluruh anggota si-buta huruf menjadi sa-olah2 lembu kasi, kenyang di-perut lapar di-lapangan fikiran dan pembachan. Si-buta huruf akan mati tidak meninggal kan belang-nya. Saya akan berdosa kalau saya hanya mengatakan Si-buta huruf saja mengidap penyakit kebuloran di-otak, kenyang di-perut, tetapi kebanyakan orang2 yang pandai menulis dan membaca mengidap penyakit seperti ini. Kalau begini keadaan-nya kita akan mempunyai society yang **inbalanced**, kalau orang2 ini juga menjadi pemimpin2 negara kita akan mendapati sa-sabuah negara itu "maju kebelakang".

KEMAJUAN

Apa sebab saya mengatakan "Maju Kebelakang" kerana pemimpin2 ini mengatakan kita mengejar kemajuan; kita maju tetapi kalau di-lihat dengan kaca mata pembesar para intellect yang bertanggung-jawab kemajuan dan pembangunan yang mereka katakan itu tidak boleh di-katakan maju dan membena. Jadi-nya saya menamakan negara itu maju kebelakang, atau maju "goes turn" kata orang katani. Dari sini saya dapat satu kesimpulan ia-itu masyarakat buta huruf dan jenis manusia maju kebelakang di-kuasai oleh alam sakeliling-nya, tetapi kita juga mengetahui bahawa dengan ada sistem perhubungan moden dan kejayaan sain menyebabkan manusia tidak lagi di-kuasai oleh alam tetapi sa-balek-nya manusia menguasai alam.

(b) Peringkat Luaran (external) — masaalah kedua ia-lah hubungan si-buta huruf dalam pergaulan-nya dengan society dan alam sakeliling-nya yang membentuk peribadi-nya; negara dan kemajuan pembangunan negeri di-mana dia menghamburkan nafas-nya sama ada di-tinjau dari aspek2 pembangunan, sain, teknologi, ekonomi dan aspek2 hidup di-mana kita dapati sumbar2 kemodenan dan kemajuan. Kita tidak pernah mengatakan atau mendengar perkataan2 seperti buta huruf itu membawa kemajuan; dan buta huruf itu membawa kebaikan2. Dari gejala2 seperti ini buta huruf itu menelorkan unsur2 **negative** dalam hidup; dia merupakan batu penghalang kemajuan; dia juga merupakan tanda2 "stop

(Lihat Muka 5)

Peraduan bahath sekolah2 Melayu perengkat akhir

BANDAR BRUNEI. — Peraduan bahath perengkat akhir sekolah2 Melayu rendah dan menengah di-seluruh negeri akan di-adakan di-dewan Sekolah Melayu Puser Ulak pada hari Ahad 30 Ogos ini.

Peraduan tersebut akan di-rasmikan oleh Awang Ali bin Mohd. Daud pada jam 9.00 pagi.

Empat buah sekolah rendah dan empat buah sekolah menengah akan mengambil bahagian dalam peraduan tersebut. Sekolah OKSB, Kilanas,

Brunei II akan menemui S.M. Sinaut, Tutong I dalam bahagian sekolah2 rendah lelaki sementara bahagian perempuan S.M. Amar Pahlawan, akan melawan S.M. Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait akan melawan S.M.M. SMJA, Bandar Brunei dalam bahagian lelaki sementara dalam bahagian perempuan S.M.M. Muda Hashim akan melawan S.M.M. SMJA Bandar Brunei.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Datin Masnah binte Haji Mohd. Yusof.



Gambar atas menunjukkan pemain2 pasokan bola Belia Limbang kelihatan gembira sambil menjulang ketua pasokan mereka. Awang Kifli Bakar sa-telah berjaya memenangi perlawanan bola sa-chara persahabatan dengan pasokan Persatuan Pemuda Pemuda Sungai Kedayan di-padang besar Bandar Brunei pada minggu lalu.

Belia Limbang telah menang dengan lima gol berbalas satu.

Awang Abdul Latif bin Hamid, sa-orang ahli majlis mashuarat Daerah Brunei-Muara telah menghadihkan sa-buah piala kepada pasokan yang berjaya.

BUTA HURUF DAN MASAALAH-NYA

(Dari Muka 4)

look go" dalam aspek pembangunan sama ada di-tinjau diperingkat national atau dunia sajagat. Kalau di-tinjau dari aspek2 material masyarakat buta huruf melambangkan unsur primitive, mereka lebeh mirif dan aktif dalam alam sistem ekonomik traditional dan self — sufficient atau sa-chukup hidup sahaja, tidak berjiwa besar dan bersifat statis. Dalam keadaan2 saperti ini masyarakat buta huruf merupakan masyarakat yang pinchang jika di-bandingkan dengan unsur2 dunia masa ini di-mana sistem ekonomi-nya ala komputer dan mass production; serta penoh dengan specialisation ia-itu serba serbi menggunakan jentera. Dalam aspek ini saya teringat kepada statement yang di-buat oleh Prof. Hutchins berbunyi "The way to stay human" ada-lah dengan chara "to keep on learning. Ini bererti chara2 untuk kita kekal di-katakan sa-orang manusia ada-lah dengan chara tidak putus belajar. Dari perkataan2 yang singkat itu menunjukkan bahawa masyarakat buta huruf itu ada-lah sa-akan2 golongan binatang. Belajar dan pandai menulis dan membacha bermakna mengubah sifat manusia, menjadi manusia yang hidup; manusia yang bertindak, manusia yang bekerja dan manusia yang membentuk chorak pembangunan atau pembaharuan yang hendak di-laksanakan. Pengetahuan dan kepandaian adalah sa-bagai puncha kemajuan menjadi panduan kepada pelaksanaan ranchangan pembangunan yang menekankan kepada aspek pandai menulis dan membacha itu. Misal-nya, ketul2 emas ada-lah satu benda yang sangat bernilai. Sa-belum emas itu di-berikan kepada sa-orang untuk di-buatkan barang2 perhiasan sa-harus-nya orang yang mendaripat emas itu telah mempunyai

kepandaian dan pengetahuan bagaimana hendak membuat antung2, gelang, chinchin dan lain2. Expectation dan motivation terhadap kemungkinan nilai emas itu harus ada terlebeh dahulu supaya emas yang di-berikan itu tidak tinggal sia2. Kalau emas yang di-berikan itu mempunyai nilai tetapi penerimaan jahil untuk mengembangkan kemungkinan nilai emas itu, pemberian itu tidak bererti apa2. Emas tidak dapat memperbaiki hidup sa-orang kalau emas itu tidak di-jadikan alat2 perhiasan untuk di-jual dan di-salurkan pada badan. Ada-lah merugikan masa; tenaga dan modal kalau ketul emas itu di-berikan dahulu dan berikut-nya baharu di-ajarkan pengetahuan atau kepandaian untuk menjadikan emas itu alat perhiasan yang menguntungkan lagi. Tindakan ini boleh menimbulkan beberapa kemungkinan terhadap emas itu kalau orang yang menerima ketul2 emas itu tidak berpengetahuan, buta huruf, hendak menggunakan peluang daripada yang ada pada nilai emas itu, mungkin emas itu akan di-berikan kepada orang lain yang lebeh berpengalaman untuk di-usahakan bersama. Kalau tidak di-usahakan bersama emas itu akan di-simpan sa-bagai exhibit saja. Ini bermakna modal yang di-gunakan untuk mendapatkan emas itu tidak menghasilkan sa-barang keuntungan kerana emas itu tidak di-mengapakan.

Bagaimana negara Jepun melaksanakan ranchangan pembangunan-nya pada zaman Pengembalian Meiji (1869) selalu di-jadikan chontoh yang klasik. Dalam usaha2 Jepun untuk mengajar pemodenan unsur2 kebendaan tidak di-dahulukan, malahan Jepun bukan-lah sa-buah negara yang kaya dengan sumber alam. Dalam usaha untuk memodenkan, negara Jepun mengutamakan aspek pemberantasan

buta huruf dan pendidekan terlebeh dahulu. Pemimpin Jepun menyadari tanpa pengetahuan; sa-lagi raayat-nya banyak buta huruf sa-lagi mereka tidak dapat mengatasi dan menolak ancaman Barat. Bagi menchapai tujuan ini sa-rata dunia raayat-nya telah di-hantar untuk menchari ilmu pengetahuan. Di - Amerika orang2 Jepun mempelajari kepandaian sains dan teknologi; di-Britain pula orang Jepun mempelajari tentang tentera laut dan dari Jerman Barat, Jepun mendapat pengetahuan sistem pentadbiran dan sistem politik berparlimen. Seluruh raayat melalui sa-genap alat perlembagaan di-tanam semangat chintakan ilmu pengetahuan untuk melengkapkan diri bagi menerima chabaran Barat dan abad 20 ini. Berlandaskan faktor2 di atas bahawa masyarakat buta huruf itu tidak akan membawa kita ka-genjala yang positive dan berkesan dalam alam kemajuan, pembangunan dan komputer ini. Dari faktor2 ini-lah negara Jepun mengetahui dan mengalami bahawa sa-lagi masalah buta huruf tidak di-berentas sa-lagi itu negara tidak maju dan berkembang.

Untuk mengakhiri pembicaraan ini saya tidak ragu2 mengatakan masyarakat buta huruf itu menelorkan beberapa masalah, tetapi dengan hapusnya masyarakat buta huruf itu di-alam kita ini tidak menandakan semua masalah yang ditelorkan-nya itu akan selesai dan lenyap kerana saya juga lebeh2 perchaya masyarakat yang di-katakan pandai menulis dan membacha itu lebeh lagi menelorkan berganda2 masalah dan kepinchangan yang rumit di-selesaikan.

(Renchana ini ada-lah dari cheramah penulis dalam Kursus Guru2 Kelas Dewasa Pelajaran Rendah yang berlangsung di-Dewan Maktab S.O.A.S., Bandar Brunei selama 5 hari — 7 hingga 11 Ogos, 1970 yang baru lalu).

AMDB jadi johan tiga tahun berturut2

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah menjadi johan buat ketiga kalinya dalam perlawanan akhir terek tali sa-telah mengalahkan pasokan KEMUKA.

Perlawanan yang di-anjarkan oleh jawatankuasa tertinggi sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan di-kelolakan oleh persatuan PATUH itu telah di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas.

Dengan itu juga pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei akan mewakili Daerah Brunei-Muara dalam perlawanan terek tali perengkat negeri yang akan di-adakan pada 30 Ogos ini di-Bandar Brunei.

Sementara itu satu perlawanan istimewa antara empat pasokan ia-itu pasokan Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2, Ketua2 Jabatan Kerajaan, Pehin2 dan Ketua2 Kampong juga akan di-adakan pada hari itu.


Berikut ini ada-lah keputusan perlawanan yang telah di-adakan pada 23 Ogos lalu:

Johan jabatan2 kerajaan ia-lah pasokan Askar Melayu Di-Raja, naib-johan Jabatan Pulis 'B' dan ketiga Jabatan Letrik.

Bahagian persatuan2 belia: Johan — persatuan KEMUKA, naib-johan Persatuan Angkatan Pemuda Pemuda Kampong, Sultan Lama dan ketiga Pergerakan Belia Bersatu.

Bahagian Kampong2: Johan — Kg. Si-Raja Muda, kedua — Kg. Pekan Lama dan ketiga — Kg. Burong Pingai Ayer.

Bahagian Sharikat2: Johan — Sharikat Penjual Ikan Pasar, kedua — Sharikat Perchetakan Bintang dan ketiga Sharikat Moto Sangkut.



Gambar menunjukkan enam orang rekrut AMDB yang telah di-pilih sa-bagai rekrut2 terbaik dan penembak terbaik ketika menjalani latihan sedang menerima hadiah2 mereka dari Pegawai Pemerintah 2/2 Gurkha Rifles, Lt. Col. J. O. Lawes.

Upacara penyampaian hadiah tersebut telah di-adakan di-satu upacara perbarisan tamat latihan bagi 88 orang rekrut baru yang telah di-adakan di-khemah Berakas pada hari Jumaat lepas.

Lt. Col. Lawes juga telah menerima tabek kehormatan dalam upacara perbarisan itu.

Peluang memasoki latihan pertukangan

SSHARIKAT Minyak Shell Brunei Berhad sekarang menjemput pemuda2 untuk memasoki latihan pertukangan dalam bahagian letrik atau mekanikal.

Pemohon2 mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat.

Umor mesti-lah di-antara 17 hingga 21 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran.

Pemohon2 itu mesti-lah juga lulus peperiksaan doktor yang akan di-jalankan oleh Sharikat itu.

Chalun2 yang berjaya akan menjalani latihan selama tiga tahun mulai bulan Nobember 1970.

Sa-masa menjalani latihan mereka akan menerima gaji sa-jajar dengan tangga gaji pelatoh dan apabila berjaya menamatkan latihan, mereka akan layak sa-bagai tukang kelas tiga.

Permohonan2 bertulis dengan menyatakan butir2 yang lengkap hendak-lah di-kiriskan kepada:

**Jabatan Perkhidmatan Kaki-tangan, (A/TRA),
Sharikat Minyak Shell Berhad, Seria.**

Segala permohonan hendaklah sampai tidak lewat dari 29 Ogos, 1970.

23 peserta ka-pertandingan akhir "Talentime 1970"

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 23 orang peserta — lima belas orang lelaki dan lapan orang perempuan — akan mengambil bahagian dalam pertandingan Talentime Radio Brunei 1970 yang akan di-adakan di-Pusat Belia di-Bandar Brunei pada hari Sabtu, 29 Ogos.

Sa-lain dari itu, enam kumpulan penyanyi2 juga akan mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Pemenang dalam bahagian perseorangan bagi lelaki dan perempuan akan menerima tiket kapal terbang perchuma ka-Singapura dan pulang yang di-dermakan oleh Sharikat Penerbangan Malaysia Singapura dan sa-buah radio Transistor yang di-dermakan oleh Sharikat Borneo.

Sa-lain dari itu pemenang dalam bahagian persaorangan lelaki dan perempuan akan menerima piala pusingan yang di-dermakan oleh Awang Zainudin bin Dato Marsal dan sa-buah piala yang di-dermakan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Awang A. R. Adair.

Pemenang perempuan persaingan akan menerima piala pusingan yang di-dermakan oleh Costain dan sa-buah piala yang di-dermakan oleh Awang Abdul Latif Hamid.

Pemenang dalam bahagian kumpulan akan menerima sa-buah piala pusingan yang di-hadiahkan oleh Provincial Insurance Company dan lain2 hadiah.

Hadiah2 juga akan di-berikan kepada naib2 johan dan pemenang2 ketiga dalam tiga bahagian itu dan hadiah2 sagu hati bagi lain2 peserta juga akan di-berikan.



Awang Mohandas Annamalai
..... salah sa-orang peserta dalam bahagian perseorangan.

MAJLIS TARI MENARI

KUALA BELAIT. — Persatuan Pengakap Daerah Belait akan mengadakan majlis Tari Menari di-dewan Parish, Seria pada hari Sabtu, 5 September hadapan mulai jam 8.30 malam.

Majlis itu ada-lah bagi mengutip wang untuk menambahkan tabung persatuan itu.

Pemegang2 tiket2 yang bernasib baik akan menerima hadiah.

4 pemain ka-perlawanan sepak takraw tiga wilayah

BANDAR BRUNEI. — Empat orang pemain telah di-pilih untuk mewakili negeri ini ka-perlawanan sepak takraw antara tiga wilayah Borneo yang akan berlangsung di-Kota Kinabalu pada 30 Ogos ini.

Pemain2 itu ia-lah Awang Takong bin Mohammad Salleh, Awang Pulau bin Seruddin, Awang Damit bin Sulai-

man dan Awang Jali bin Munat.

Mereka akan di-sertai oleh Awang Mohd Hussain bin Zainal, selaku ketua rombongan, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Badar, hakim rasmi Negeri Brunei dan Awang Haji Abdullah bin Metassan, sa-bagai jurulatih.

Perlawanan tahunan yang

Peperiksaan masok ka-sekolah2 Inggeris 19 Sept.

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 3,036 orang murid dari sekolah2 rendah Melayu dan China di-negeri ini telah men-daftarkan nama untuk meng-ambil peperiksaan masok ka-sekolah2 Inggeris kerajaan tahun hadapan.

Peperiksaan itu akan di-adakan pada hari Sabtu 19 September, hadapan untuk menentukan murid2 yang layak masok ka-kelas2 persediaan Inggeris kerajaan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, jabatan-nya sudah pun menetapkan sa-belas buah pusat peperiksaan, lima di-Daerah Brunei-Muara, tiga di-Tutong, dua di-Belaik dan satu di-Temburong.

Murid2 yang mengambil peperiksaan itu hendak-lah berumur kebawah 12 tahun pada 1 Januari tahun 70 dan lulus peperiksaan darjah empat sekolah Melayu.

Jumlah murid2 yang memasoki peperiksaan itu ada-lah yang terbesar pernah di-daftarkan oleh Jabatan Pelajaran.

Dalam bulan Januari tahun ini, sa-ramai 1,650 orang murid dari sekolah2 Melayu dan China di-seluruh negeri, telah masok ka-sekolah2 Inggeris kerajaan.

16 pasokan ikut berlawan

TUTONG. — Sa-banyak 16 pasokan dari persatuan2 belia, kampong2, sekolah dan pejabat kerajaan di-daerah Tutong, akan mengambil bahagian dalam perlawanan bola sepak chara kalah mati.

Pertandingan itu di-anjarkan oleh Persatuan Pemuda Pemuda Melayu Lamunin, sa-bagai acara sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, telah meng-hadiahkan sa-buah piala rebutan bagi pertandingan bola sepak itu.

Tahun lalu, ia-nya di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong.

di-adakan bergilir di-antara Sarawak, Sabah dan Brunei itu ada-lah bagi merebut perisai yang telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Pada tahun lalu perisai tersebut telah di-menangi oleh pasokan Sarawak.

Jawatan-Jawatan Kosong

Sa-bagai Guru

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk jawatan2 Guru di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Umor — di-antara 25 dan 45 tahun.
- Mempunyai Ijazah daripada University Islam yang di-iktiraf atau pun kelulusan yang sa-banding atau pun mempunyai kelulusan mengajarnya daripada Maktab Kirby atau yang sa-banding dengan-nya.
- Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai diploma dan pengalaman mengajarnya.

Tugas2:

Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki mengajar mata pelajaran Sains, Ilmu Hisab atau Bahasa Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C2 — B\$660 x 30 — 900 atau B2 EB3 \$1020 x 40 — 1620/EB/1670 x 50 — 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perhubungan selama enam bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

BAKSIS:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan2 surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 September, 1970.

Sa-bagai Tukang Masak

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi jawatan2 Tukang Masak di-Jabatan Pelajaran, Brunei. (81 jawatan). Jawatan2 kosong itu ia-lah:—

1. Bandar Brunei

- Maktab Perguruan, Jalan Gadong — 8 jawatan (4 laki2 dan 4 perempuan).
- Sekolah Melayu Pusu Ulak — 8 jawatan (4 laki2 dan 4 perempuan).

- Sekolah Menengah Melayu, Jalan Muara — 19 jawatan (10 laki2 dan 9 perempuan).

- Sekolah Pertukangan Bangunan, Jalan Muara — 4 jawatan (laki2).

- Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (S.T.P.R.I.) — 2 jawatan (perempuan).

2. Tutong

- Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim — 8 jawatan (4 laki2 dan 4 perempuan).

- Sekolah Persediaan Inggeris — 8 Jawatan (4 laki2 dan 4 perempuan).

3. Kuala Belait

- Sekolah Pertukangan Kejuruteraan — 4 Jawatan (laki2).

- Sekolah Inggeris Perdana Wazir — 16 jawatan (8 laki2 dan 8 perempuan).

4. Bangar, Temburong

Sekolah Melayu Sultan Hassan — 4 jawatan (perempuan).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah orang Melayu, berumur di-antara 30 dan 45 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Katin atau di-restoran.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 — \$200 x 5 — 220.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 September, 1970.

Guru Ugama Terlatah di-AMDB

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat atau yang berhak di-daftar sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan kosong sa-bagai Guru Ugama Askar Melayu Diraja Brunei. Hanya pemohon2 yang boleh memenohi syarat2 seperti berikut di-bawah ini sahaja di-kehendaki menghantar permohonan mereka:

- Berumur 20 hingga 35 tahun.

- Lulus Darjah VI Sekolah Ugama dan lulus Tingkatan 1 Sekolah Menengah Melayu atau pun Sekolah Menengah Inggeris.

- Mempunyai kelulusan kursus Perguruan Ugama Brunei dan telah berkhidmat sa-bagai guru ugama sekurang2-nya 5 tahun.

- Chalun2 yang berjaya dengan sendiri-nya akan tertalok di-bawah kuasa Perintah Askar Melayu Diraja Brunei dan oleh yang demikian mereka di-kehendaki bersedia menerima segala arahan2 untuk bertugas di-dalam atau di-luar Perkhemahan Askar Melayu Diraja Brunei.

Gaji

Dalam Sukatan gaji D3 \$380 — 20 x 20 x 20 — 480.

Permohonan2 hendak-lah ditujukan kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei dengan melalui Penguasa Pelajaran Ugama Brunei dan hendak-lah sampai kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei tidak lewat 14 September 1970.

Sa-bagai Pegawai Kastam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pegawai Kastam di-Jabatan Kastan dan Bea, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan salah satu mata-pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan cekap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15

— 315/EXAM/330 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 September, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari pengurus sharikat2 perniagaan, taukey2 kedai di-Daerah Belait yang telah hadir dalam perjumpaan tersebut.

Penggunaan Bahasa Melayu

(Dari Muka 1)

dewasa dengan perchuma kha-nya bagi orang2 yang bukan Melayu.

Beliau menyakinkan sa-tiap raayat yang ta'at setia kepada negeri ini tentu-lah merasa berkewajipan dan bertanggung jawab ka-atas penyempornaan penggunaan bahasa Melayu itu.

"Kita merasa malu jika orang berkata bahawa menguasai bahasa Melayu sa-mata2 bertujuan untuk mendapatkan TARAF KERAAYATAN" kata-nya.

Bagaimana pun beliau per-chaya masa'alah itu bukan-lah menjadi tujuan pokok dan tidak ada orang yang membuat tuduhan demikian kerana matalamat menegakkan penggunaan dan mendaualatkan bahasa Melayu di-negeri ini merupakan satu sifat pandangan hidup raayat untuk menchipta suatu identiti Brunei.

Pegawai Daerah itu mencekakan lagi, melalui bahasa rasmi merupakan satu alat berkesan untuk meujudkan perpaduan dan keharmonian

Anjing gila

(Dari Muka 1)

Awang Subramaniam berkata, penyakit itu ada dua jenis ia-itu jenis mendiam yang tidak nampak ganas-nya, ia-nya lebih banyak terdapat di-negeri2 tetangga, sementara satu lagi ia-lah jenis menerkam. Jenis ini tanda-nya mulut anjing itu berbueh dan anjing2 itu berjalan merayau2 dan menggigit apa sahaja yang di-jumpai-nya.

Anjing2 itu akan mengidap penyakit lumpoh dan mati dalam tempoh sa-puluh hari.

raayat berbilang kaum di-negeri ini.

Akhir-nya beliau menggesa ahli2 peniaga itu supaya terus mengamalkan bahasa Melayu dalam perchakapan, surat menyurat, resit2, rekod2, bill2, tanda2 harga barang, papan2 nama dan sa-bagai-nya.

Lumba basikal anjoran M.B.B.

BANDAR BRUNEI.—Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan perlumbaan basikal jarak jauh dalam bulan September hadapan.

Perlumbaan yang ketiga di-anjorkan oleh majlis itu ada-lah salah satu acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24 tahun.

Perlumbaan sa-jauh 67 batu yang bermula dari Kuala Belait ka-Bandar Brunei itu akan di-adakan pada 29 September, 1970.

Ia-nya terbuka kepada orang2 dewasa dari seluruh negeri. Peserta2 boleh mengambil bahagian sa-chara perseorangan atau berpasokan.

Pengerusi perlumbaan, Awang Ya'akub bin Ahmad menyatakan bahawa pada hari itu akan di-adakan perlumbaan basikal bagi peserta2 perempuan.

Perlumbaan yang julong2 kali di-anjorkan oleh M.B.B. itu akan bermula dari Sengkurong ka-Bandar Brunei.

Berang2 permohonan untuk menyertai kedua2 perlumbaan itu boleh di-dapati mulai sekarang dari Awang Abdul Wahab Tengah bagi peserta2 di-Daerah Brunei-Muara, Awang Junaidi bin OKSN Mohd. Safar bagi peserta2 Daerah Tutong dan Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim bagi peserta2 di-Daerah Belait.

PERADUAN MENGARANG SAMBUTAN ISRA' DAN ME'RAJ

BANDAR BRUNEI. — Sambutan Isra' dan Me'raj tahun ini akan di-adakan dengan beberapa chara peraduan termasuk peraduan mengarang sharahan terbuka seluroh negeri.

Peraduan mengarang sharahan itu mesti-lah berkisar atas tajok "Isra' dan Me'raj dan hubungan-nya dengan kemajuan sains dan teknologi".

Kandungan karangan sharahan itu mesti-lah tidak lebih dari 1,400 perkataan atau kira2 15 minit jika di-bacha.

Menurut juruchakap peraduan itu bahawa pemenang2 dalam peraduan mengarang sharahan itu nanti akan di-undang untuk membachakan karangan sharahan-nya itu dalam sambutan Isra' dan Me'raj sa-Negeri Brunei yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Tarikh penutup bagi peraduan mengarang sharahan terse-

but ia-lah pada 15 haribulan September, 1970.

Peserta2 yang ingin menyertai peraduan mengarang sharahan itu hendak-lah menghantarkan karangan2 mereka ka-alamat: Pengerusi Peraduan Mengarang Sharahan, Sambutan Isra' dan Me'raj, Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Bandar Brunei.

8 orang guru berkursus di-U.K.

BANDAR BRUNEI. — Samarai lapan orang guru termasuk sa-orang perempuan akan berlepas ka-United Kingdom esok, 27 Ogos untuk menjalani berbagai kursus di-universiti2 di-sana.

Guru2 tersebut telah di-hadiahkan biasiswa Kerajaan Brunei dan dermasiswa Yayasan Kommonwealth.

Empat orang yang telah menerima dermasiswa di-bawah ranchangan latehan guru2 Kommonwealth itu ia-lah Awang Mohammad Taha bin Abdul Rahman, Awang Yahya bin Ahmad, Awang Abdi Manaf bin Abu Bakar dan Awang Mohammad Taib bin Sulaiman.

Mereka akan menjalani kursus pentadbiran pelajaran di-Universiti Birmingham Institute of Education.

Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad, Dayang Zainon binte Abdul Latif dan Awang Wong Siew Ming yang menerima biasiswa kerajaan juga akan menjalani kursus pentadbiran pelajaran di-universiti yang sama.

Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Abu Bakar yang juga menerima biasiswa kerajaan akan menjalani kursus seni lukis dan pertukangan tangan di-Maktab Seri Lukis, Brighton.

Guru2 itu akan berada di-sana sa-lama sa-tahun.

Sementara itu tiga orang penuntut Brunei juga akan berlepas ka-United Kingdom esok, untuk menjalani kursus jururawat.

Mereka ia-lah Dayang Asiah binte Abdul Wahab, Sharifah Nor-mah binte Malai Othman dan Dayang Sunah binte Abdul Hamid.

Dayang Aisah dan Sharifah Nor-mah akan menjalani kursus di-Saint Albans City Hospital sementara Dayang Sunah akan menjalani kursus di-rumah sakit Hounslow.

Ketiga2 orang penuntut itu di-hadiahkan biasiswa kerajaan Brunei dan akan berada di-sana sa-lama lima tahun.

PERTUNJOKKAN

PERTANIAN

BANDAR BRUNEI. — Pertunjokkan pertanian negara akan di-adakan pada 3hb. Oktober, 1970 bertempat di-bangunan sementara Maktab SOAS Padang Bandar Brunei.

Dalam satu kenyataan hari ini Jabatan Pertanian Negara berkata pertunjokkan itu akan di-adakan sempena menyambut lahir-nya Bandar Seri Begawan pada 4hb. Oktober.

Untuk menjayakan pertunjokkan itu kenyataan itu menyeru orang ramai, khas-nya kaum2 tani dan sharikat2 supaya bersedia menyertai pertunjokkan tersebut.

Barang2 yang di-kehendaki untuk di-pamerkan ia-lah berbagai2 jenis hasil pertanian dan perusahaan seperti padi, sayur2an, buah2an, perusahaan pokok2 makanan dan lain2-nya.

Di-jadualkan tiba esok

BANDAR BRUNEI. — Rombongan Pengakap dari Brunei yang telah menghadhiri Jambori Pengakap Malaysia di-Melaka di-jadualkan tiba dari Labuan pada petang hari Khamis 27 Ogos, 1970.

Pengakap2 dan guru2 pengakap di-Daerah Brunei-Muara ada-lah di-minta supaya berada di-tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei dengan memakai pakaian pengakap sa-belum jam 5.00 petang esok untuk mengalu2kan ketibaan rombongan tersebut.